

Tiga penjenayah Indonesia maut ditembak ketika cuba serang polis

Tersungkur di ladang Yazid Baba

KOSMO 22/6/2011 M.G.

Oleh RAIS YEOP JOHARI
rais.johari@kosmo.com.my

SEREMBAN - Cubaan sekumpulan empat penjenayah warga Indonesia untuk melarikan diri secara senyap selepas disalak anjing pemilik banglo yang mahu disamun mengundang padah apabila tiga daripadanya mati ditembak pada pukul 4.54 pagi semalam.

Kejadian di Ladang Kelapa Sawit Yazid Baba 1, Kampung Pedas Tengah, Rembau dekat sini itu berlaku apabila empat penjenayah terbabit cuba menyerang anggota polis dengan menggunakan parang.

Untuk mempertahankan diri, sepasukan polis berkenaan telah melepaskan beberapa das tembakan menggunakan senapang menyebabkan tiga penjenayah mati di tempat kejadian manakala seorang lagi cedera dan dapat melarikan diri.

Ketua Polis negeri, Datuk Osman Salleh berkata, sebelum kejadian, keempat-empat suspek disyaki cuba memecah masuk banglo seorang penternak dan pekebun di Ladang Sawit Yazid Baba 1, Kampung Pedas Tengah, Rembau setengah jam sebelum itu.

Bagaimanapun katanya, hasrat mereka terbantut apabila mereka disalak anjing peliharaan mangsa hingga menyebabkan salah seorang penghuni terjaga dan terus menjerit sebaik ternampak kelibat suspek.

"Mereka kemudian cuba melarikan diri senyap-senyap sambil menolak tiga buah motosikal curi milik penduduk tempatan yang dinaiki ketika datang ke situ.

"Bagaimanapun, ketika hendak melarikan diri, mereka terserempak dengan sepasukan polis yang sedang melakukan rondaan di ladang kelapa sawit tersebut. Mereka bukan sahaja enggan menurut arahan supaya menyerah diri malah menyerang polis dengan meng-



ANGGOTA polis memeriksa mayat salah seorang daripada tiga penjenayah warga Indonesia yang mati ditembak di Kampung Pedas Tengah, Rembau semalam.



BANGLO yang cuba dipecah masuk oleh empat penjenayah di Kampung Pedas Tengah, Rembau semalam.

gunakan parang," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Jarak di antara banglo dengan ladang tersebut kira-kira 10 meter.

Tambahnya, polis yang mempertahankan diri kemudian telah melepaskan tembakan hingga menyebabkan tiga mati manakala se-


orang lagi cedera dan dapat meloloskan diri.

Menurut Osman, polis turut merampas tiga buah motosikal, tiga bilah parang pelbagai saiz, enam topi keledar, sebuah beg yang mengandungi peralatan pecah rumah seperti pemutar skru, pemotong

Mereka kemudian cuba melarikan diri senyap-senyap sambil menolak tiga buah motosikal curi milik penduduk tempatan

OSMAN SALLEH

KES TEMBAK DI LADANG YAZID BABA 1



- 1 Empat penjenayah disyaki cuba masuk banglo seorang penternak dan pekebun di Ladang Sawit Yazid Baba 1, Kampung Pedas Tengah, Rembau.
- 2 Suspek cuba melarikan diri bersama tiga buah motosikal curi apabila menyedari penghuni banglo itu terjaga setelah terdengar bunyi anjing menyalak.
- 3 Suspek terserempak dengan sepasukan anggota polis ketika hendak melarikan diri dan kemudian menyerang polis menggunakan parang. Polis melepaskan beberapa das tembakan bagi mempertahankan diri.
- 4 Tiga suspek mati di tempat kejadian manakala seorang lagi cedera dan dapat meloloskan diri.

besi, topeng ski, sarung tangan kain, gergaji besi, kuku kambing, tukul besi dan batu asah.

"Modus operandi kumpulan yang telah bergiat sejak enam bulan lalu itu ialah akan memecah masuk rumah di antara pukul 4 dan 5 pagi di kawasan Kuala Pilah dan Seremban termasuk Selangor dan Melaka," katanya yang menyiasat kes

itu mengikut Seksyen 307 Kanun Keseksaan kerana cuba membunuh.

Ujar Osman, kesemua suspek berusia lingkungan 20-an dan tiada sebarang dokumen perjalanan ditemui.

Mayat suspek dihantar ke Hospital Tuanku Ja'afar untuk bedah siasat dan polis sedang mencari dua atau tiga lagi anggota kumpulan yang masih bebas.